

Malaysia raih komitmen RM170b pelaburan China

Oleh **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN**
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia meraih komitmen pelaburan RM170 bilion daripada pelabur China yang paling tinggi dalam sejarah.

Jumlah itu adalah daripada 19 Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai antara syarikat perniagaan dari China dan Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, komitmen itu menunjukkan pelabur daripada negara berkenaan yakin terhadap Malaysia.

“Kita telah mencapai komitmen pelaburan RM170 bilion dari China. Saya perlu berterima kasih kepada para pelabur kerana memberikan kerjasama dan keyakinan terhadap kita.

“Ini adalah acara bersejarah. Ia baik untuk Malaysia dan masa depan,” katanya mengumumkan perkara itu pada Forum Perniagaan Malaysia-China 2023, di Beijing, semalam.

Terdahulu dalam ...ucap tamanya, Perdana Menteri berkata, pelabur dan pemimpin perniagaan China perlu memanfaatkan hubungan dua hala yang kukuh dan merebut peluang



ANWAR Ibrahim bersama menteri kabinet Malaysia dan pemimpin perniagaan China yang menghadiri Forum Perniagaan Malaysia-China di Beijing, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

yang ditawarkan oleh kerajaan untuk melabur di negara ini.

“Saya memberi jaminan di bawah pengawasan saya, kami akan memastikan kemudahan menjalankan perniagaan dan melaksanakan pelaburan di Malaysia pada tahap opti-

mum,” ujar beliau.

Anwar berkata, perniagaan China perlu membina lebih banyak kerjasama dengan syarikat Malaysia terutama dalam sektor strategik untuk memacu hubungan yang lebih baik.

Sebagai rekod, China kekal

sebagai rakan dagang terbesar Malaysia selama 14 tahun dengan nilai dagangan RM488 bilion bagi tahun 2022 dan merupakan pelabur langsung asing terbesar di negara ini dengan pelaburan RM55.6 bilion pada tahun yang sama.